

UMP terima zakat RM250,000

KUANTAN 18 Sept. - Universiti Malaysia Pahang (UMP) baru-baru ini menerima zakat berjumlah RM250,000 daripada dua syarikat kewangan iaitu Malaysia Building Society Bhd. (MBSB) dan Etiqa Takaful Berhad untuk disalurkan kepada pelajar dari golongan asnaf di institusi tersebut.

Zakat sumbangan Etiqa Takaful Berhad sebanyak RM150,000 disampaikan oleh Pengurus Cawangan Etiqa Takaful Kuantan, Harman Noor Abdul Malek, manakala MBSB yang diwakili Pengurus Wilayah Pantai Timur, Zam Zuri Izani Abu Hassan menyerahkan sebanyak RM100,000.

Kesemua zakat tersebut diserahkan kepada Naib Canselor UMP, Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim dalam satu majlis di UMP Kampus Gambang di sini.

Sementara itu Daing Nasir ketika menyampaikan ucapan berkata, komitmen pihak swasta dan badan korporat seperti MBSB dan Etiqa Takaful amat membantu universiti dalam memastikan keperluan mahasiswa terpelihara.

"UMP amat menghargai keprihatinan kedua-dua syarikat dalam melunaskan kewajipan mengeluarkan zakat untuk dimanfaatkan oleh para pelajar.

"Setakat ini ramai pelajar telah menerima manfaat hasil daripada zakat perniagaan ini dan pihak pen-



DR. Daing Nasir Ibrahim (dua, kiri) menerima sumbangan zakat bernilai RM150,000 daripada Etiqa Takaful Berhad yang disampaikan oleh Harman Noor Abdul Malek (kiri) dan RM100,000 daripada MBSB yang disampaikan oleh Zam Zuri Izani Abu Hassan (kanan) di UMP, Kuantan, semalam. - BERNAMA

tadbiran UMP berterima kasih kerana keprihatinan tersebut," katanya.

Menurut beliau, zakat yang dikeluarkan itu membolehkan pihak pengurusan memastikan keperluan asas dan kabajikan mahasiswa UMP sama ada dalam kalangan senior atau mahasiswa baharu dapat dipantau secara menyeluruh.

"Terdapat segelintir mahasiswa UMP yang datang dari keluarga berpendapatan rendah menghadapi kesukaran untuk menangani kos sara hidup yang agak tinggi di kampus.

"Walaupun kebanyakan pelajar menerima pembiayaan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), namun ada juga kes mere-

ka yang datang dari keluarga terpaksa menghantar warak kampung bagi mengutamakan keperluan keluarga," katanya.

Menurutnya, sekiranya masalah tersebut dibiarkan tidak dikawatiri akan memberi kesan negatif kepada pencapaian akademik mahasiswa berkenaan.